KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	08/12/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			

Pekebun Orang Asli kerugian RM25,000, lebih 1,000 tanaman dimusnahkan

Musang king 'diserang' dua gajah liar

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Seorang pekebun Orang Asli terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM25,000 selepas kebun pokok pisang, ubi kayu dan pokok buah-buahan termasuk durian musang king musnah diceroboh dua ekor gajah liar.

Razali Ayeh, 46, berkata, lebih 1,000 tanaman yang diusahakan di atas tanah seluas 1.2 hektar di Kampung Redip, Pos Hau di sini dipercayai telah dimusnahkan gajah jantan dan betina dalam tempoh tiga hari.

Apa yang membimbangkan apabila gajah liar itu dipercayai masih berada di kawasan hutan berhampiran sehingga berkeliaran di kebunnya.

"Dalam tempoh tiga hari, serangan haiwan itu semakin ganas sehingga menjejaskan pendapatan saya yang bergantung sepenuhnya kepada hasil tanaman di kebun.

"Masalah ancaman gajah liar itu sudah berlarutan sejak lima bulan lalu apabila banyak kebun penduduk di kampung berhampiran telah dimusnahkan. Kini, gajah liar itu datang mengganggu kebun saya," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.



RAZALI menunjukkan kawasan tanaman pokok pisang yang dimusnahkan dua ekor gajah liar di Kampung Redip, Pos Hau, Gua Musang semalam.

Razali berkata, penduduk kampung telah beberapa kali melaporkan masalah itu kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) daerah, namun belum ada sebarang tindakan susulan.



DUA gajah liar yang dikesan menceroboh kawasan kebun penduduk.

Katanya, dia bimbang keselamatan diri dan takut untuk ke kebun kerana gajah itu sudah semakin berani merayau dan memusnahkan kebun ketika waktu pagi.

"Saya amat sedih apabila tanaman yang diusahakan dan sudah membuahkan hasil tiba-tiba musnah begitu sahaja," katanya.